

## LTAT bayar bonus 12 peratus kepada ahli

SHAH ALAM – Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) mencatatkan pendapatan RM811 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, jumlah itu meningkat 5.8 peratus iaitu RM44.2 juta berbanding RM766.8 juta pada 2015.

“LTAT akan bayar dividen dan bonus pada kadar 12 peratus kepada ahli yang layak, melibatkan nilai keseluruhan RM685.5 juta.

“Bayaran dividen dan bonus ini melibatkan enam peratus dividen dan enam peratus bonus khas berbentuk unit amanah saham yang akan diberi secara percuma kepada pencarum aktif.

“Dividen dan bonus ini akan mula dikreditkan ke dalam akaun ahli yang mencarum bermula hari ini,” katanya.

Menurutnya, secara purata, kadar disyiharkan kali ini lebih tinggi berbanding purata kadar dividen dan bonus sejak LTAT



**LTAT akan bayar dividen dan bonus pada kadar 12 peratus kepada ahli yang layak, melibatkan nilai keseluruhan RM685.5 juta.”** - Hishammuddin

ditubuhkan, iaitu 11.3 peratus.

Sementara itu katanya, jumlah aset LTAT setakat 31 Disember 2016 bernilai RM9.5 bilion. Jumlah itu meningkat 2.2 peratus iaitu RM0.2 bilion berbanding RM9.3 bilion pada 2015.

Akaun caruman pula berjumlah RM8.6 bilion berbanding RM9 bilion pada 2015.

Hishammuddin berkata, bagi 2016, LTAT telah memproses permohonan pengeluaran caruman berjumlah RM1.7 bilion daripada 11,179 pencarum yang tamat perkhidmatan.